



**Tarikh kuat kuasa: 12 Ogos 2022**

**NOTIS KEPADA BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN  
NOTICE NO. SYAFI/N/01/2022**

**NOTIS PROSES PERMOHONAN PRODUK ISLAM**



## 1. PENGENALAN

- 1.1. Bab 14 Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006 memperuntukkan bahawa tiap-tiap institusi kewangan hendaklah memohon kepada Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah bagi mendapatkan kebenaran produk Islam dan ianya adalah menurut Hukum Syara'.
- 1.2. Notis ini menerangkan proses permohonan dan adalah terpakai untuk institusi-institusi kewangan yang diperuntukkan di bawah Perintah LPKS, 2006. Notis ini dikeluarkan di bawah bab 54 Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010 (Perintah BDCB, 2010).
- 1.3. Notis ini hendaklah dibaca bersama:
  - 1.3.1. Guideline on Licensing and Recognition Applications for Collective Investment Schemes [Guideline No. CMU/G-2/2017/2];
  - 1.3.2. Guidelines on Product Transparency and Disclosure for Islamic Banks [Guidelines No. FCI/G1/2019/1];
  - 1.3.3. Guidelines on Product Transparency and Disclosure for Finance Companies [Guidelines No. FCI/G3/2019/1];
  - 1.3.4. Guidelines on Product Transparency and Disclosure for Takaful Operators [Guidelines No. FCI/G4/2019/1]; dan
  - 1.3.5. Mana-mana notis, arahan atau piawaian yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.
- 1.4. Notis ini memansuhkan Garis Panduan Bagi Proses Kebenaran Produk Islam di Bawah Bab 14 Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006 [Garis Panduan No. IFAU/G/1/2018] dan akan berkuatkuasa serta merta.

## 2. DEFINISI

- 2.1. Bagi tujuan Notis ini:
  - 2.1.1. "Badan Penasihat Syariah" bermaksud:
    - (a) Badan yang ditubuhkan menurut keperluan bab 8(2)(g) dari Perintah Perbankan Islam, 2008;
    - (b) Badan yang ditubuhkan menurut keperluan bab 10(1)(e) dari Perintah Takaful, 2008;



- (c) Badan yang dilantik di bawah bab 23(2) dari Perintah Pasaran Sekuriti, 2013; atau
  - (d) Jawatankuasa Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah bab 14 dari Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Penggag 163).
- 2.1.2. “Bank-bank” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 dari Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010, yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam termasuk perniagaan perbankan Islam, perniagaan takaful, perniagaan kewangan Islam, perniagaan pembangunan kewangan Islam dan perniagaan lain yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa.
- 2.1.3. “Institusi-institusi kewangan” mempunyai makna yang sama sebagaimana di bawah bab 2 dari Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010 yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam termasuk perniagaan perbankan Islam, perniagaan takaful, perniagaan kewangan Islam, perniagaan pembangunan kewangan Islam dan perniagaan lain, dan juga termasuk Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Penggag 163).
- 2.1.4. “Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (“LPKS”)” bermaksud Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah yang ditubuhkan di bawah bab 3 dari Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006.
- 2.1.5. “Perubahan material” merujuk kepada perubahan yang dibuat ke atas mekanisme produk yang boleh memberikan impak kepada pelanggan dan kepatuhan terhadap keperluan dan syarat yang dikeluarkan oleh BDCB.
- 2.1.6. “Perubahan tidak material” merujuk kepada perubahan yang dibuat ke atas produk Islam yang tidak memberikan sebarang impak kepada pelanggan dan kepatuhan terhadap sebarang keperluan dan syarat yang dikeluarkan oleh BDCB.
- 2.1.7. “Pihak Berkuasa” bermaksud Brunei Darussalam Central Bank yang ditubuhkan di bawah bab 3(1) dari Perintah BDCB, 2010.
- 2.1.8. “Produk Islam” mempunyai makna yang sama sebagaimana di bawah bab 2 dari Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006, dan bagi tujuan Notis ini, perkhidmatan kewangan Islam adalah termasuk dalam definisi Produk Islam.
- 2.1.9. “Produk Islam sedia ada” bermaksud produk Islam yang telah ditawarkan oleh Bank atau Institusi Kewangan.
- 2.1.10. “Produk Islam baru” bermaksud produk Islam yang tidak pernah ditawarkan oleh mana-mana Bank atau Institusi Kewangan.



### 3. PROSES PERMOHONAN

- 3.1. Sebarang permohonan bagi mendapatkan kebenaran LPKS hendaklah menghadapkan permohonan kepada Pihak Berkuasa.
- 3.2. Sebarang permohonan yang bertujuan di bawah hendaklah memenuhi keperluan-keperluan sebagaimana yang dinyatakan di **Lampiran 1**:
  - 3.2.1. Produk Islam baru yang distruktur tidak mengikut Piawaian Syariah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa; atau
  - 3.2.2. Penukaran konsep Syariah bagi produk Islam yang sedia ada yang distruktur tidak mengikut Piawaian Syariah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa.
- 3.3. Sebarang permohonan yang bertujuan di bawah hendaklah memenuhi keperluan-keperluan sebagaimana yang dinyatakan di **Lampiran 2**:
  - 3.3.1. Produk Islam baru yang distruktur mengikut Piawaian Syariah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa; atau
  - 3.3.2. Penukaran konsep Syariah bagi produk Islam yang sedia ada yang distruktur menggunakan Piawaian Syariah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa; atau
  - 3.3.3. Perubahan ke atas produk Islam yang sedia ada yang menyebabkan perubahan material ke atas struktur, ciri-ciri atau profil risiko.
- 3.4. Pihak Berkuasa akan memaklumkan keputusan permohonan kepada Bank dan Institusi Kewangan dalam masa empat puluh (40) hari waktu bekerja atau satu tempoh lanjutan. Tempoh yang diambil untuk menilai sebarang permohonan adalah tertakluk kepada kerumitan produk Islam yang dipohonkan.
- 3.5. Bank dan Institusi Kewangan hendaklah memastikan permohonan adalah lengkap dan teratur. Permohonan yang tidak mematuhi keperluan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 3.2 dan 3.3, akan dianggap sebagai tidak memuaskan atau tidak lengkap dan akan dikembalikan semula kepada pemohon.
- 3.6. Jika mana-mana Bank dan Institusi Kewangan berhasrat untuk membuat sebarang perubahan tidak material ke atas produk Islam yang sedia ada di pasaran, sama ada dari segi struktur atau ciri-ciri atau profil risiko, maka Bank dan Institusi Kewangan hendaklah memaklumkan kepada Pihak Berkuasa dalam masa tiga puluh (30) hari sebelum pelancaran semula.
- 3.7. Pihak Berkuasa berhak untuk mendapatkan maklumat tambahan atau untuk memanggil Bank dan Institusi Kewangan untuk membentangkan produk yang ingin ditawarkan jika perlu.



**PENGARAH URUSAN  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

Tarikh dikeluarkan: 14 Muharram 1444/ 12 Ogos 2022